

7 sekolah masih tidak dapat mulakan sesi persekolahan di Kelantan

RANTAU PANJANG 3 Jan. – Banjir di negeri ini pulih sepenuhnya apabila kesemua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, bagaimanapun tujuh daripada sembilan buah sekolah di pekan ini, Tumpat dan Gua Musang yang dinaiki air semalam masih tidak dapat memulakan sesi persekolahan.

Serentak dengan itu, tiga pusat pemindahan banjir iaitu Stesen Kere-tapi Tanah Melayu (KTMB), Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi dan SK China, dekat sini ditutup.

Pada masa yang sama, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang turun tetapi masih melebihi paras bahaya, manakala paras air Sungai Kelantan juga masih di paras normal berikutan cuaca semakin baik.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Kelantan, Husain Awang berkata, hanya dua buah sekolah iaitu SK Rantau Panjang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau Panjang akan memulakan sesi persekolahan esok selepas paras air di kawasan sekolah terabit surut sepenuhnya.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan sebuah lagi sekolah iaitu SK Sri Rantau Panjang akan dibuka pada



BILIK darjah Sekolah Kebangsaan Sri Rantau Panjang masih dinaiki air di Rantau Panjang, semalam.

lusa kerana keadaan air yang semakin surut.

“Sekolah yang masih ditutup adalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Kay Boon dan SK Lubok

Setol, kedua-duanya di Rantau Panjang manakala di Tumpat, tiga buah sekolah yang masih ditutup ialah Sekolah Agama Nurul Huda, SK Bendang Pak Yong dan SK Simpangan.

“Di Gua Musang, dua buah sekolah di kawasan perkampungan Orang Asli iaitu SK Bihai dan SK Balar juga masih belum dibuka ekoran tanah runtuh yang menyebabkan guru-guru tidak

dapat masuk ke perkampungan terabit,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Husain berkata, sehingga kini, seramai 2,536 pelajar tidak dapat meneruskan sesi persekolahan akibat banjir yang melanda negeri ini.

Katanya, Jabatan Pelajaran Negeri masih tidak dapat menentukan bilakah sekolah terabit akan dibuka sepenuhnya kerana keadaan cuaca yang masih tidak menentu.

“Walaupun sekolah tidak dibuka, saya minta pelajar yang ada buku teks boleh mula tengok buku teks di rumah sebagai persiapan untuk sesi persekolahan nanti.

“Pelajar-pelajar juga perlu jaga keselamatan jangan bermain air banjir sebab ada rekod lampau pelajar-pelajar lemas, ibu bapa juga perlu pantau pergerakan anak-anak mereka,” katanya.

Hari ini, seramai 55,274 pelajar memulakan sesi persekolahan daripada jumlah sebenar 60,234 orang.

Daripada jumlah tersebut 24,491 murid tahun satu mendaftar di 417 buah sekolah rendah manakala 35,734 pelajar tingkatan satu mendaftar di 163 buah sekolah menengah.